

pendapat

Oleh Prof Datuk Dr Norzaini Azman

Pengerusi Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT)



Memperkasa nilai teras universiti

➔ Budaya berintegriti cermin kepada ketamadunan bangsa

Satu daripada cabaran negara untuk menjadi sebuah negara maju dalam masa setahun sahaja lagi (2020) adalah melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Namun, agak jelas bahawa aspek nilai seperti etika, akhlak dan moral masyarakat masih perlu dipertingkatkan jika kita mahu menjadi masyarakat berminda kelas pertama.

Amanat Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malek pada 14 Januari 2019 memberi penegasan kepada keperluan penetapan hala tuju pendidikan berteraskan nilai.

Justeru, apakah peranan universiti dalam memupuk nilai dalam kalanganarganya terutama pelajar? Sebagai cermin kepada ketamadunan bangsa, universiti dan warganya perlu sentiasa mengamalkan nilai dan budaya berintegri-

ti serta memperjuangkan kebenaran dan keadilan.

Ahli akademik adalah suri teladan yang mewakili nilai, budaya dan matlamat universiti kepada pelajar dan masyarakat.

Tidak dapat dinafikan nilai adalah elemen penting dalam budaya setiap organisasi. Nilai dan prinsip bergabung untuk membina budaya sesuatu kumpulan dan diperkukuhkan oleh sistem dan prosedur yang diguna pakai oleh setiap ahli.

Setiap organisasi akan menggunakan satu set nilai sebagai asas kepada tingkah laku atau cara bekerja yang diterima pakai oleh semua ahli. Nilai juga membentuk dan menanam aspirasi serta matlamat yang sama dalam melaksanakan setiap urusan organisasi.

Secara ringkasnya, nilai mencorak budaya organisasi sementara budaya organisasi mentakrifkan bagaimana pemimpin dan ahlinya bertindak, serta bagaimana proses pengu-rusan dalaman berfungsi.

Asas pertimbangan

Nilai teras pula ditakrifkan sebagai satu set prinsip sosial, falsafah dan piawai bersifat intrinsik untuk membimbing perhubu-

ngan sesama manusia dan mempengaruhi sikap dan tingkah laku yang beretika. Secara tradisi, nilai teras dilihat sebagai pragmatik, iaitu satu falsafah yang kekal dan penting kepada organisasi.

Sebagai pegangan atau prinsip asas, nilai teras disepadukan dalam strategi dan proses bekerja pada semua peringkat organisasi untuk membina sistem amalan yang berkesan.

Nilai teras menjadi asas pertimbangan keputusan dalam semua aktiviti pada peringkat bawah sehingga ke peringkat tertinggi dan memberi impak kepada sistem, budaya kerja, pembangunan bakat serta prestasi organisasi. Maksudnya, nilai teras hanya boleh mendorong kepada prestasi organisasi apabila diintegrasikan dalam semua aktiviti organisasi.

Bagi sebuah institusi ilmu, nilai adalah satu aspek yang sangat penting kerana menggambarkan imej dan reputasi institutu pengajian tinggi sebagai organisasi yang mendahului organisasi lain dalam menerapkan nilai teras kepada warga dan pelajarnya.

Seharusnya, setiap aktiviti dan pendekatan penguru-



Bagi sebuah institusi ilmu, nilai adalah satu aspek yang sangat penting kerana menggambarkan imej dan reputasi IPT sebagai organisasi yang mendahului organisasi lain dalam menerapkan nilai teras kepada warga dan pelajarnya"

san IPT perlu bersandarkan kepada nilai teras utama akademik. Nilai teras juga adalah asas yang mendefinisikan sumbangan ahli akademik kepada pembinaan ilmu dan pembangunan masyarakat.

Pada prinsipnya, terdapat empat nilai teras universiti yang unggul dan saling berkait rapat.

Pertama, pencarian pengetahuan secara bebas iaitu IPT dan ahli akademik beriltizam untuk mencari kebenaran. Fakta yang dikumpul mampu dipertahankan tanpa boleh digugat oleh faktor dalaman dan luaran. Kedua, kualiti iaitu tidak berasa selesa dengan apa yang ada dan sentiasa mencari kecemerlangan.

Inklusif

Ahli akademik perlu sentiasa meneroka ufuk ilmu dan berkongsi pengetahuan yang diperoleh seterusnya menyebarkan pengetahuan itu kepada keserakanan dan masyarakat. Ketiga, inklusif bermaksud pengetahuan untuk semua. Inklusif memperkukuh nilai dan iltizam mengenai kualiti, kepercayaan saling menghormati pelbagai idea serta perspektif.

Keempat, saling berhubungan dibina berasaskan warisan dan nilai sejagat yang memudahkan ahli akademik menggunakan kepakaran secara bersama menghubungkan ilmu pada peringkat tempatan, kebangsaan serta global. Saling berhubungan membawa erti ahli akademik berpandangan ke hadapan, menjangka isu masa hadapan sambil menyelesaikan isu semasa.

Untuk mencapai kecemerlangan, setiap universiti di Malaysia perlu disuntik atau diterap dengan nilai teras yang menjadi asas kepada peranan universiti. Nilai teras universiti perlu sentiasa dipertahankan oleh semua warga akademik.

Oleh itu, peranan ahli akademik khususnya dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan, khidmat masyarakat dan pengu-rusan perlu sentiasa berasaskan penerapan nilai teras universiti seperti beretika, menegakkan kebenaran dan sentiasa mengejar kecemerlangan.

• Penulis juga ialah profesor pendidikan tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)